# PT3 Pentaksiran Akhir Tahun

## Bahagian A

*Pilih jawapan yang paling* **tepat**.

**1.** Konsep alam Melayu boleh dilihat dari sudut
I tokoh
II budaya
III geografi
IV ekonomi

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**2.** Maklumat berikut berkaitan dengan kerajaan Alam Melayu yang masyhur.

- Pusat kerajaan di Indrapura.
- Diasaskan oleh Chu-Lien pada tahun 192 M.

Apakah kerajaan tersebut?
**A** Kerajaan Funan
**B** Kerajaan Angkor
**C** Kerajaan Champa
**D** Kerajaan Kedah Tua

**3.** Pilih pasangan yang **betul**.

| | Kerajaan | Pengasas |
|---|---|---|
| A | Funan | Fan Shih-man |
| B | Angkor | Kaundinya |
| C | Srivijaya | Jayavarman II |
| D | Majapahit | Raden Vijaya |

**4.** Apakah kepentingan hubungan kerajaan Alam Melayu dengan China dan India?
**A** Meningkatkan taraf hidup
**B** Memajukan kegiatan pertanian
**C** Menguatkan bidang pertahanan
**D** Memperkukuh hubungan perdagangan

**5.** Gambar berikut menunjukkan inskripsi pada Telaga Batu.



Apakah yang boleh dikaitkan dengan penemuan tersebut?
**A** Salasilah pemerintah kerajaan Angkor
**B** Sistem pemerintahan kerajaan Srivijaya
**C** Undang-undang dalam kerajaan Majapahit
**D** Upacara keagamaan dalam kerajaan Funan

**6.** Apakah gelaran yang digunakan oleh Raja-raja Angkor?
**A** Maharaja **C** Sri Bathara
**B** Dewaraja **D** Kurung Bnam

**7.** Apakah tanaman yang ditanam oleh masyarakat kerajaan Angkor dan Funan?
**A** Padi **C** Getah
**B** Kopi **D** Kelapa

**8.** Apakah kegunaan kapur barus?
**A** Makanan
**B** Perubatan
**C** Bahan pewangi
**D** Barang perhiasan

**9.** Apakah bahasa yang digunakan oleh masyarakat kerajaan Funan?
**A** Arab **C** Sanskrit
**B** Melayu **D** Jawa Kuno

**10.** Apakah kepentingan *baray* dalam kerajaan Angkor?
**A** Pengairan **C** Petempatan
**B** Pelabuhan **D** Pusat ibadat

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

11. Apakah peranan Laksamana dalam Kesultanan Melayu Melaka?
   A Pemungut ufti
   B Penguasa bandar
   C Ketua syahbandar
   D Ketua angkatan laut

12. Rajah berikut menunjukkan perubahan pusat pemerintahan Kesultanan Johor Riau.

Pekan Tua → Sayong Pinang → Johor Lama

Mengapakah berlaku perubahan tersebut?
   A Bencana alam
   B Ancaman lanun
   C Strategi pertahanan
   D Lokasi tidak strategik

13. Senarai berikut menunjukkan alat kebesaran Kesultanan Melayu.

- Mahkota Diraja
- Keris Taming Sari
- Pedang Cura Si Manja kini

Apakah kesultanan tersebut?
   A Perak
   B Pahang
   C Kelantan
   D Terengganu

14. Apakah sistem pemerintahan yang diamalkan oleh Kesultanan Perak?
   I Sistem penggiliran
   II Pelantikan Raja Muda
   III Sistem perwarisan takhta
   IV Majlis Mesyurat Kerajaan
   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

15. Apakah sumber yang boleh dirujuk untuk mengetahui tentang pengasasan kerajaan Kedah?
   A *Kitab Tib*
   B *Misa Melayu*
   C *Sulalatus Salatin*
   D *Hikayat Merong Mahawangsa*

16. Antara berikut, siapakah pengasas kerajaan Negeri Sembilan?
   A Raja Melewar
   B Yamtuan Radin
   C Yamtuan Antah
   D Yamtuan Lenggang

17. Istiadat penganugerahan bintang dan darjah kebesaran dilakukan semasa
   A hari kemerdekaan
   B istiadat pertabalan
   C majlis pemasyhuran
   D sambutan keputeraan

18. Apakah peranan Lembaga dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan?
   I Memilih Buapak
   II Melantik Yamtuan Besar
   III Mengurus pembahagian harta pusaka
   IV Menyelesaikan pertelingkahan antara suku
   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

19. Pilih pasangan yang betul.

| | Kaum | Perayaan |
|---|---|---|
| A | Iban | Pesta Kaamatan |
| B | Bajau | Pesta Babulang |
| C | Rungus | Pesta Menuai |
| D | Melanau | Pesta Kaul |

20. Gambar berikut menunjukkan tarian kaum di Sarawak.



Apakah kaum tersebut?
   A Iban
   B Bisaya
   C Melanau
   D Bidayuh


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
LIVEWORKSHEETS